

Tuah sikat pelbagai fungsi Team Artentech

Idea kreatif, penyampaian berkeyakinan dan kerjasama sepanjang pembentangan membawa tuah kepada tiga sekawan dari Universiti Monash, apabila kumpulan mereka dipilih sebagai Juara Pertandingan Akhir L'Oreal Brandstorm 2013 Malaysia.

Kumpulan dikenali Team Artentech itu terdiri daripada penuntut Seni (Penulisan dan Komunikasi); Amy Lim Su Ten, 19; David Nge, 22 (Sains Komputer) dan Tee Wei Lim, 22 (Kejuruteraan).

Dalam pertandingan itu,

kumpulan berkenaan berjaya menarik perhatian juri untuk memperoleh markah tertinggi melalui hasil ciptaan mereka, L'Oreal Paris Airbrush iaitu sikat rambut mengandungi perapi dan teknologi ion yang pertama



Team Excellic dari Universiti Putra Malaysia naib juara.



Team Deviant dari Universiti Malaya tempat ketiga.

INFO

Pertandingan L'Oreal Brandstorm 2013 Malaysia

- ⊙ Dilancarkan tahun lalu
- ⊙ Terbahagi kepada dua peringkat:

1 Cabaran pertama, peserta perlu mengembangkan produk penjagaan dan gaya rambut melalui kaedah inovasi serta pengukuhan jenama di 10 buah negara Asia. Bagi peringkat ini, peserta perlu membuat analisa tawaran semasa diperkenalkan L'Oreal, persaingan, memahami keperluan pengguna di setiap negara dan memberi cadangan strategik produk terbaik untuk meningkatkan jualan.

2 Cabaran kedua, peserta perlu menghasilkan inovasi produk penjagaan rambut masing-masing dan membentangkan pelan pemasaran jangka pendek serta jangka panjang terbaik, bagi membolehkan dipasarkan di seluruh ASEAN.

⊙ **Juri**: Pengarah Urusan L'Oreal Malaysia Sdn Bhd, Ashwin Rajgopal; Pengarah Sumber Manusia L'Oreal Malaysia Sdn Bhd, Nora Mahbob; Pengurus Besar Produk Pengguna L'Oreal, Low Chooi Hoon; Pengarang Urusan Kumpulan Blu Inc Sdn Bhd, Aster Lim dan Presiden Mccann Worldgroup Malaysia, Michael Constantine selaku ketua juri.

⊙ Pemenang:

- Juara** - Team Artentech (Universiti Monash)
- Kedua** - Team Excellic (Universiti Putra Malaysia)
- Ketiga** - Team Deviant (Universiti Malaya)
- Saguhati** - Team Why Not (Universiti Putra Malaysia) dan Team Montrio (Monash University)

seumpamanya di dunia.

Amy berkata, kumpulan beliau memperuntukkan beberapa jam sehari dan menggunakan sebaiknya tempoh enam bulan ditetapkan penganjur bagi mencari idea serta strategi pemasaran produk.

"Ketika sibuk berbincang mengenai produk untuk dihasilkan, tiba-tiba David memberi idea untuk menghasilkan sikat selepas melihat saya mengeluarkan sikat dan menyikat rambut. Menyedari idea

itu menarik dan sikat adalah kelengkapan penting orang ramai khususnya wanita, kami sepakat menghasilkan produk itu yang memiliki lebih daripada satu fungsi untuk menyikat, merapi dan membentuk gaya rambut.

Wakil ke Paris

"Oleh itu, kemenangan tidak dijangka kami ini ialah hadiah pengorbanan kami yang banyak berkorban waktu untuk mendapatkan produk

pendidikan kepada pelajar. Pertandingan itu bukan saja menggalakkan kreativiti golongan muda dan memberi peluang kepada peserta menunjukkan bakat terpendam, tetapi juga mengajar setiap peserta untuk bekerjasama, bertolak-ansur serta melontarkan pendapat.

Pada masa sama, tugas diberikan L'Oreal itu bukan mudah kerana setiap kum-



Team Artentech juara pertandingan Akhir L'Oreal Brandstorm.

dan pembentangan terbaik, sehingga terpaksa berlatih lebih 100 kali," katanya ketika ditemui pada Pertandingan Akhir L'oreal Brandstorm 2013 Malaysia di Hotel One World di sini, baru-baru ini.

Dengan kemenangan itu, pasukan terbabit menerima baucar pelancongan berjumlah RM5,000, produk L'Oreal bernilai RM500 dan trofi L'Oreal Brandstorm, selain berpeluang mewakili Malaysia ke Pertandingan Akhir L'Oreal Brandstorm 2013 di Paris, Jun depan.

Ditanya apakah harapan Team Artentech pada pertandingan akhir peringkat dunia bulan depan, Amy berkata, mereka mahu memperbaiki beberapa perkara terutama pembentangan.

"Kami mahu menambah gambar rajah dan paparan maklumat pembentangan secara elektronik, selain berusaha mengharumkan nama negara pada peringkat antarabangsa," katanya.

pulan peserta perlu menghasilkan produk baharu dan terbaik berdasarkan jenama berkenaan mengikut kreativiti.

Pengurus Pengambilan dan Intergrasi L'oreal Malaysia, Vignesh Baboo, berkata pertandingan itu bertujuan memberikan peluang dan pengalaman kepada penuntut, selain memberi kesempatan menjalankan peranan sebagai Pengurus Pemasaran Antarabangsa untuk produk ternama berkenaan.

"Pertandingan ini membantu menyerlahkan kreativiti penuntut, menjadi pereka produk terbaik dan memberi peluang untuk mengaplikasikan teori dipelajari kepada praktikal.

"L'Oreal menerima lebih 200 penyertaan daripada penuntut institusi pengajian tinggi di seluruh Malaysia dan selepas beberapa saringan, lima kumpulan berpotensi besar berkenaan dipilih ke peringkat akhir," katanya.